



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN  
BERITA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**18 JULAI 2023 (SELASA)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

---

# **KERATAN AKHBAR (KPDN)**

---

**18 JULAI 2023 (SELASA)**



ANGGOTA penguat kuasa memeriksa harga barangan di sebuah pasar raya di Alor Setar, Kedah baru-baru ini.

Kini hanya tunggu lampu hijau daripada kerajaan

## Penguat kuasa KPDN bakal jadi jabatan

Oleh MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI

**ALOR GAJAH** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos sara Hidup (KPDN) berharap kerajaan meluluskan cadangan mengangkat Bahagian Penguatkuasaan KPDN sebagai sebuah jabatan dalam masa terdekat.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, Kertas Kabinet berhubung perkara itu telah dibawa dan dipersetujui tahun lalu.

Kata beliau, beberapa sesi libat urus juga telah dijalankan dan pihaknya kini sedang menunggu isyarat kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

"Kita sedang menunggu lampu hijau daripada kerajaan untuk mengangkat bahagian penguat-

kuasaan sebagai sebuah jabatan.

"Ini adalah satu usaha yang saya rasa perlu untuk kami lanjutkan, memandangkan peranan dan tanggungjawab penguat kuasa semakin penting serta mencabar.

"Saya mendapat maklum semasa masuk (bertugas) ke pejabat dahulu, perkara ini sebenarnya telah mendapat perkenan daripada Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah. Baginda begitu prihatin dan memberikan saranan agar bahagian ini menjadi sebuah jabatan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Perbarisan Kawalan Kehormatan di sini, semalam.

Tambah Salahuddin, status sebagai sebuah jabatan mem-

beri kelebihan kepada Bahagian Penguatkuasaan KPDN kerana mempunyai kuasa, peruntukan kewangan dan logistik lebih besar untuk melaksanakan tanggungjawabnya.

Menurutnya, pemerkasaan Bahagian Penguatkuasaan turut mengurangkan kebergantungan KPDN kepada agensi lain, khususnya melibatkan risikan.

"Kita perlukan bahagian risikan supaya dapat mempertingkatkan lagi maklumat, contohnya barang-barang yang diimport dari luar negara.

"Dengan ada bahagian risikan yang lebih profesional, bekalan maklumat diterima lebih banyak dan tepat. Kita setakat ini mungkin bergantung dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan jabatan lain," ujarnya.



**FUZIAH (tengah)** pada program Perasmian Jualan Rahmah Bergerak di Dataran Pentas Budaya Pantai Puteri, Tanjung Kling semalam.

## Jualan Rahmah Bergerak dua kali sebulan ekoran sambutan tinggi

**MELAKA** - Jualan Rahmah Bergerak berkonsepkan kedai cari rakyat akan diadakan dengan kekerapan dua kali sebulan di setiap Dewan Undangan Negeri (DUN) ekoran sambutan menggalakkan sejak ia dilancarkan pada 17 Jun lalu di Pulau Pinang.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh berkata, sejak dilancarkan sebanyak 78 Jualan Rahmah Bergerak telah

diadakan di seluruh negara.

"Sambutan amat menggalakkan di setiap lokasi Jualan Rahmah Bergerak diadakan sebagai contoh di Kedah, semalam di Kelantan dan Sarawak respons yang diterima amat baik.

"Barangan yang dijual diberi subsidi sehingga potongan 30 peratus dan ada ketikanya harga runtuh kita berikan," katanya selepas melancarkan Program Jualan Rahmah Bergerak di Dataran Pentas Budaya Pantai Puteri,

Tanjung Kling, di sini kelmarin.

Tambahnya, di Melaka Jualan Rahmah Bergerak yang diadakan di lima lokasi merekodkan jualan berjumlah RM195,569.40 dan jumlah pengunjung mencecah 6,500 orang.

"Mengetahui Jualan Rahmah pula, sejak dilancarkan di negeri ini telah merekodkan kedatangan pengunjung seramai 100,394 orang di 36 lokasi. Rekod jualan yang dicatatkan berjumlah RM1,241,058.75," jelasnya.

**TFBO 2023  
10 jenama  
Malaysia  
sasar  
tarik  
pelaburan  
RM30 juta**

Bangkok: Misi Perdagangan Francais Malaysia ke Bangkok, Thailand, bersempena *Thailand Franchise and Business Opportunity 2023 (TFBO)* menyasar menarik pelaburan berjumlah RM30 juta.

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Datuk Azman Mohd Yusof berkata, 10 jenama Malaysia iaitu Marrybrown, Kenny Rogers Roasters, US Pizza, Cleanpro Express, Demcee, Global Art, UCMAS, HOME, Q-dees dan Little Caliph menyertai TFBO di Bangkok International Trade and Exhibition Centre (BITEC) yang berlangsung dari 13 hingga 16 Julai 2023.

Beliau berkata, tahun ini, TFBO menarik hampir 7,000 pelabur dari 36 negara dari seluruh dunia, termasuk Malaysia.

"TFBO adalah platform penting bagi industri francais Malaysia untuk mengambil peluang mempelbagaikan pelaburan francais mereka di Thailand.

"Misi yang dirancang di bawah Program Pengukuhan Francais bagi Meningkatkan Eksport (EFDP) itu berhasrat untuk menggalakkan pengembangan jenama Malaysia ke Thailand dan mencari pelabur berpotensi melalui program pemedanan perniagaan.

"KPDN bekerjasama rapat dengan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade), Persatuan Francais Malaysia (MFA), dan pemain industri untuk mencapai sasaran dan menggandakan momentum," katanya dalam satu kenyataan.

Menurutnya, jenama francais Malaysia berkembang sebagai identiti jenama terkemuka di seluruh dunia dengan lebih daripada 68 jenama bertapak di 80 negara.

Azman yang mengetuai delegasi itu hadir pada majlis perasmian Pavilion Malaysia di TFBO pada Khamis, yang turut dihadiri Duta Besar Malaysia ke Thailand, Datuk Jojie Samuel. - Bernama

## Kenaikan yuran guaman tidak sesuai dengan kenaikan kos sara hidup

**PETALING JAYA:** Kenaikan yuran guaman melibatkan pemindahan hak milik bukan sahaja tidak sesuai kerana rakyat masih bergelut dengan kenaikan kos sara hidup ketika ini, malah bertentangan dengan prinsip persaingan.

Pengerusi Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), Datuk Seri Mohd. Hishamudin Yunus memberitahu, tindakan Majlis Peguam itu bertentangan dengan prinsip persaingan walaupun Seksyen 13 Akta Persaingan 2010 mengecualikan perintah pindaan daripada menggunakan akta tersebut.

“Kenaikan ini bukan yang pertama kerana Majlis Peguam pernah menaikkan yuran guaman untuk pemindahan hak milik melalui Perintah Saraan Peguam Cara (Pindaan) 2017.

“MyCC juga telah mengambil tindakan proaktif menangani isu membabitkan yuran tetap menerusi badan profesional se-

jak 2013,” katanya dalam kenyataan semalam.

Sejak kebelakangan ini, orang ramai mengeluh mengenai kenaikan yuran guaman melibatkan pemindahan hak milik yang bermula Sabtu lalu.

Mohd. Hishamudin berkata, pendekatan agensi itu sejajar dengan amalan negara maju seperti United Kingdom, Singapura dan Australia iaitu badan profesional termasuk Majlis Peguam tidak lagi mengamalkan penetapan yuran.

“Pandangan MyCC ini juga disokong oleh Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (Pemudah) yang sebelum ini pernah beberapa kali membincangkan isu berkenaan penetapan yuran guaman.

“Penetapan yuran guaman itu dilihat tidak konsisten terutama apabila mengambil kira yuran litigasi di Malaysia tidak tertakluk kepada kadar tetap.” ujarnya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

---

---

# **KERATAN AKHBAR (AGENSI KPDN)**

---

---

**18 JULAI 2023 (SELASA)**

# MyCC bantah kenaikan yuran guaman pindah hak milik

Oleh Farah Marshita  
Abdul Patah  
farahmarshita@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) membantah kenaikan yuran guaman membabitkan pemindahan hak milik dalam keadaan rakyat bergelut dengan kenaikan kos sara hidup.

MyCC dalam satu kenyataan semalam berkata, walaupun Seksyen 13 Akta Persaingan 2010

mengecualikan perintah pindaan daripada pemakaian akta itu, tindakan yang diambil oleh Majlis Peguam adalah bertentangan prinsip persaingan.

"Kenaikan yuran guaman ini bukan yang pertama kerana Majlis Peguam sebelum ini pernah meningkatkan yuran guaman untuk pemindahan hak milik melalui Perintah Saraan Peguam Cara (Pindaan) 2017," katanya.

**Nasional 8**



# Struktur yuran lebih fleksibel lindungi pengguna

Dari Muka 1

Menyifatkan kenaikan yuran itu berkuat kuasa Sabtu lalu sebagai membimbangkan, MYCC juga berkata, penetapan yuran guaman berkenaan dilihat tidak konsisten, terutama apabila mengambil kira yuran litigasi di Malaysia tidak tertakluk kepada kadar tetap.

"Tindakan yang diambil Majlis Peguam bertentangan dengan usaha kerajaan dalam membantu rakyat untuk mampu memiliki rumah sendiri.

"Inisiatif kerajaan melalui

Memorandum Pemindahan (MOT) dan pelepasan atau diskaun cukai setem, pelepasan Cukai Keuntungan Harta Tanah (RPGT) dan Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP), dilaksanakan untuk menggalakkan industri perumahan.

"Ia juga bertujuan mengurangkan impak kenaikan kos sara hidup kumpulan disasarkan," katanya.

MyCC dalam kenyataannya itu juga menekankan, pihaknya ingin mewujudkan struktur yuran lebih fleksibel bertepatan amalan terbaik antarabangsa.

Katanya, MyCC percaya pengguna akan dilindungi dengan lebih baik apabila variasi terhadap dasar industri mengambil kira prinsip persaingan.

"Kami mengakui usaha sebelum ini untuk memujuk Majlis Peguam tidak berjaya.

"Namun, kami ingin menyeru Majlis Peguam dengan penuh hormat untuk mempertimbangkan semula atau sekurang-kurangnya, menangguhkan pelaksanaan perintah pindaan ini dan meneruskan balik perbincangan dengan kami.

"Majlis Peguam mempunyai potensi yang tidak dapat disangkal lagi dalam memberikan contoh positif bagi mempromosikan persaingan dalam pasaran," katanya.

Katanya, MyCC telah secara proaktif mengambil beberapa tindakan positif dalam menangani isu membabitkan yuran skala tetap oleh badan profesional sejak 2013.

Melalui Kajian Pasaran mengenai Penentuan Harga/Yuran oleh Badan-Badan Profesional yang dijalankan di bawah Seksyen 11 Akta Per-

saingan 2010 pada 2013, MyCC berjaya mengarahkan atau mempengaruhi lebih lima badan profesional untuk menghapuskan yuran profesional tetap mereka apabila didapati mereka tidak mempunyai punca kuasa berbuat demikian mengikut undang-undang sedia ada.

"Pada masa sama, kajian pasaran itu juga mengakui terdapat badan profesional yang dibenarkan menetapkan yuran skala mereka selaras kuasa diberikan oleh undang-undang mereka," katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

---

---

# **BERITA ONLINE (KPDN)**

---

---

**18 JULAI 2023 (SELASA)**

**BERITA ONLINE BERTARIKH 18 JULAI 2023**

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
18-Jul	KPDN tunggu lampu hijau naik taraf bahagian penguat kuasa kepada jabatan	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/268662">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/268662</a>	SH
18-Jul	KPDN tunggu lampu hijau Kabinet naik taraf bahagian penguat kuasa kepada jabatan	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-tunggu-lampu-hijau-kabinet-naik-taraf-bahagian-penguat-kuasa-kepada-jabatan-428477%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-tunggu-lampu-hijau-kabinet-naik-taraf-bahagian-penguat-kuasa-kepada-jabatan-428477%3famp=1</a>	ASTROAWANI
18-Jul	KPDN tunggu lampu hijau Kabinet naik taraf bahagian penguat kuasa kepada jabatan	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2207238">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2207238</a>	BERNAMA
18-Jul	Bahagian Penguatkuasaan KPDN perlu naik taraf kepada jabatan	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2023/07/bahagian-penguatkuasaan-kpdn-perlu-naik-taraf-kepada-jabatan/">https://www.utusan.com.my/berita/2023/07/bahagian-penguatkuasaan-kpdn-perlu-naik-taraf-kepada-jabatan/</a>	UM
18-Jul	KPDN tunggu kelulusan Kabinet luluskan naik taraf jabatan penguat kuasa	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/07/17/kpdn-tunggu-kelulusan-kabinet-luluskan-naik-taraf-jabatan-penguat-kuasa/">https://malaysiagazette.com/2023/07/17/kpdn-tunggu-kelulusan-kabinet-luluskan-naik-taraf-jabatan-penguat-kuasa/</a>	MALAYSIAGAZETTE
18-Jul	KPDN masih menunggu Kabinet naik taraf status Bahagian Penguat Kuasa kepada jabatan	<a href="https://berita.rtm.gov.my/index.php/nasional/67552-kpdn-masih-menunggu-kabinet-naik-taraf-status-bahagian-penguat-kuasa-kepada-sebuah-jabatan">https://berita.rtm.gov.my/index.php/nasional/67552-kpdn-masih-menunggu-kabinet-naik-taraf-status-bahagian-penguat-kuasa-kepada-sebuah-jabatan</a>	BERITARTM
18-Jul	KPDN awaiting green light to upgrade Enforcement Division to department	<a href="https://www.thesundaily.my/local/kpdn-awaiting-greenlight-to-upgrade-enforcement-division-to-department-NG11241491">https://www.thesundaily.my/local/kpdn-awaiting-greenlight-to-upgrade-enforcement-division-to-department-NG11241491</a>	THESUNDAILY
18-Jul	KPDN awaiting green light to upgrade Enforcement Division to department	<a href="https://bernama.com/en/general/news.php?id=2207268">https://bernama.com/en/general/news.php?id=2207268</a>	BERNAMA
18-Jul	Ministry awaiting greenlight to upgrade enforcement division to department	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/07/931838/ministry-awaiting-greenlight-upgrade-enforcement-division-department">https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/07/931838/ministry-awaiting-greenlight-upgrade-enforcement-division-department</a>	NST

18-Jul	KPDN tunggu kabinet luluskan naik taraf bahagian penguat kuasa jadi jabatan	<a href="https://m.malaysiakini.com/news/672219">https://m.malaysiakini.com/news/672219</a>	MALAYSIAKINI
18-Jul	KPDN tunggu lampu hijau Kabinet naik taraf Bahagian Penguat Kuasa kepada jabatan	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2023/07/17/kpdn-tunggu-lampu-hijau-kabinet-naik-taraf-bahagian-penguat-kuasa-kepada-jabatan">https://www.utusanborneo.com.my/2023/07/17/kpdn-tunggu-lampu-hijau-kabinet-naik-taraf-bahagian-penguat-kuasa-kepada-jabatan</a>	UMBORNEO
18-Jul	Tipu jual beli baju kurung, penjual online didenda RM2,000	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/07/17/tipu-jual-beli-baju-kurung-penjual-online-didenda-rm2000/">https://www.kosmo.com.my/2023/07/17/tipu-jual-beli-baju-kurung-penjual-online-didenda-rm2000/</a>	KOSMO
18-Jul	Tangani isu kenaikan harga barang secara komprehensif	<a href="https://harakahdaily.net/index.php/2023/07/17/tangani-isu-kenaikan-harga-barang-secara-komprehensif/">https://harakahdaily.net/index.php/2023/07/17/tangani-isu-kenaikan-harga-barang-secara-komprehensif/</a>	HARAKAHDAILY
18-Jul	Workshops must display mechanics' names, qualifications under new regulations	<a href="https://selangorjournal.my/2023/07/workshops-must-display-mechanics-names-qualifications-under-new-regulations/">https://selangorjournal.my/2023/07/workshops-must-display-mechanics-names-qualifications-under-new-regulations/</a>	SELANGORKINI
18-Jul	PENGUSAHA BENGKEL KINI PERLU PAMER NAMA, KELAYAKAN MEKANIK, KATA MENTERI	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hotfm.audio/pengusaha-bengkel-kini-perlu-pamer-nama-kelayakan-mekanik-kata-menteri/amp/">https://www.google.com/amp/s/www.hotfm.audio/pengusaha-bengkel-kini-perlu-pamer-nama-kelayakan-mekanik-kata-menteri/amp/</a>	HOTFM
18-Jul	Stesen minyak operasi jam 4 pagi diserbu	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/268660">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/268660</a>	SH
18-Jul	Penguatkuasa KPDN wajar Dijadikan Sebagai Sebuah Jabatan	<a href="https://youtu.be/OF_CjptYBkE">https://youtu.be/OF_CjptYBkE</a>	Melaka TV
18-Jul	KPDN   KPDN Mohon Segerakan Naik Status Bahagian Penguat Kuasa	<a href="https://youtu.be/GgSVd8mJZEo">https://youtu.be/GgSVd8mJZEo</a>	MELAKATV
18-Jul	Bahagian Penguatkuasaan KPDN perlu naik taraf jadi jabatan	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/07/17/bahagian-penguatkuasaan-kpdn-perlu-naik-taraf-jadi-jabatan/">https://www.kosmo.com.my/2023/07/17/bahagian-penguatkuasaan-kpdn-perlu-naik-taraf-jadi-jabatan/</a>	KOSMO